

**TEKS UCAPAN  
YANG DIPERTUA MPSP  
MAJLIS PERASMIAN TAMAN TUGU KOTA DEMOKRASI  
BAGAN  
9 JANUARI 2012 (ISNIN)  
8:00 MALAM  
BERTEMPAT DI JALAN PERMATANG PAUH  
(ANTARA TAMAN CANTIK DAN KAWASAN  
PERINDUSTRIAN RINGAN MAK MANDIN)**

*Terima kasih Pengacara Majlis*

.....

**Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng**  
Ketua Menteri Pulau Pinang

**Y.B. Dato' Mansor bin Othman**  
Timbalan Ketua Menteri 1

**Y.B. Tuan Prof Dr Ramasamy A/L Palanisamy**  
Timbalan Ketua Menteri 2

**Y.B. Tuan Lim Hock Seng**  
Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan

**Y.B. Dato' Hj Farizan bin Darus**  
Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

**Yang Berhormat**  
Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

**Y.B. Dato' Hj Mokhtar bin Mohd Jait**

Pegawai Kewangan Negeri

**Yang Berhormat - Yang Berhormat**

Ahli – Ahli Dewan Undangan Negeri dan Parlimen :

- i. Y.B. Puan Chong Eng : Ahli Parlimen Bukit Mertajam
- ii. Y.B. Tuan Lim Kit Siang : Ahli Parlimen Ipoh Timur

**Yang Berbahagia Ar Cik Patahiyah Ismail**

Yang DiPertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang

**Ahli Majlis - Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud**

Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Ir Ang Aing Thye**

Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Pulau Pinang

**Ketua-Ketua Jabatan**

**Rakan-Rakan Pemberita**

**Dato' / Tuan / Puan yang saya hormati sekalian,**

## **Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera**

1. Pertama sekali bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana memberi kita semua kesihatan dan juga kekuatan untuk sama – sama menghadiri Majllis Perasmian Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan pada malam ini. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada YAB Ketua Menteri, Tuan Lim Guan Eng kerana telah sudi untuk hadir dan seterusnya merasmikan Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan ini.
2. Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan kini telah berubah wajah. Yang dulunya dari tempat longgokkan kayu dan tempat letak kenderaan kilang telah menjadi satu tempat riadah kepada orang ramai. Projek taman ini telah dimulakan pada bulan Julai 2011 dan telah siap pada 31 Disember 2011. Terima kasih kepada semua yang terlibat untuk merealisasikan hasrat murni ini untuk kemudahan orang ramai.
3. Untuk makluman YAB, YB Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan, MPSP telah mendapat 14 penaja untuk 14 program CSR

landskap daripada 25 kawasan yang telah dikenalpasti. Salah satu projek yang telah siap adalah Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan ini yang akan dirasmikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang sebentar nanti.

4. Taman Tugu Demokrasi Bagan ini disediakan dengan kemudahan-kemudahan berikut:-

- i. Sudut pidato/Dataran Pidato
- ii. Wakaf
- iii. Alat permainan kanak-kanak
- iv. Kerusi rehat
- v. Struktur Tugu
- vi. Fitness station
- vii. Laluan pejalan kaki
- viii. Tempat letak kereta
- ix. Pokok-pokok teduhan
- x. Pencahayaan

Untuk MPSP menuju ke arah hijau atau “green facilities”, pencahayaan di taman ini menggunakan lampu solar dan ini dapat menjimatkan MPSP dari membayar kos bayaran bil elektrik. Taman ini adalah merupakan taman yang pertama di Seberang Perai menggunakan tenaga solar untuk tujuan pencahayaan. Tidak lupa juga untuk golongan OKU, taman ini direka dengan mesra OKU. Oleh itu semua lapisan masyarakat dapat menggunakan kemudahan yang disediakan di taman ini.

**Para hadirin sekalian,**

5. Di sini saya mengalu-alukan semua pihak untuk bekerjasama dengan MPSP untuk bersama-sama dalam perkongsian projek CSR bagi menceriakan dan mengindahkannya Seberang Perai. Masih terdapat 11 lokasi strategik yang masih belum mendapat komitmen penaja daripada mana-mana pihak. Jadi besarlah harapan saya menjemput mana-mana pihak yang berminat untuk menjadikan 11 lokasi tersebut sebagai projek angkat dan

bekerjasama dengan MPSP bagi memberi kemudahan dan keselesaan kepada penduduk Seberang Perai.

6. Saya juga mengharapkan agar lebih banyak taman-taman seperti ini diwujudkan bagi memberikan kemudahan kepada orang ramai untuk bersenam, beriadah dan sebagainya. Untuk hidup yang lebih berkualiti, badan kita harus sihat. Dengan kesihatan yang baik kita dapat menjalani kehidupan dengan lebih sempurna.

7. Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan ini dibuat khusus untuk penduduk-penduduk di kawasan ini. Jadi amatlah penting untuk kita bersama-sama menjaga kebersihan, menjaga peralatan dan kemudahan yang disediakan agar ia kekal terpelihara seperti seadanya demi untuk kepentingan bersama. Janganlah terdapat elemen “vandalism”. Saya akan cuba mengadakan aktiviti-aktiviti riadah di kawasan ini. YAB Ketua Menteri, untuk makluman, saya sedang berusaha untuk

mengadakan Program Kesihatan Senam Robik pada 15/1/2012 (Ahad) jam 8.00 pagi di taman ini.

8. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tak langsung untuk merealisasikan Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan ini sehingga menjadikan tempat ini suatu tempat tumpuan orang ramai untuk beriadah dan juga berehat. Jadi sama-samalah kita menjaganya supaya sentiasa bersih dan hijau. Terima kasih saya ucapkan kepada Urusetia Perasmian Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan yang bertungkus-lumus untuk menjayakan Majlis ini.

9. Dengan ini, saya sudahi dengan ucapan ribuan terima kasih.  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Sekian, terima kasih.